



Jangan biar kaduk naik junjung

Pelbagai masalah yang di-timbulkan oleh pekerja asing di negara kita nampaknya semakin berleluasa dan mula merisaukan anggota masyarakat. Kemasukan mereka secara beramai-ramai baik secara sah mahupun haram bukan saja memberi kesan kepada ekonomi dan aspek pekerjaan, tetapi turut memberi kesan kepada aspek sosial dan juga jenayah di negara kita. Tindak tanduk mereka yang semakin melampau boleh diumpakan seperti kaduk naik junjung.

Baru-baru ini misalnya kita dikejutkan dengan beberapa laporan yang mendedahkan betapa pekerja asing termasuk pendatang haram dengan beraninya menjalankan pelbagai perniagaan di negara kita. Ironinya mereka datang ke negara ini untuk bekerja atau menjadi kuli, tetapi pada hari ini mampu berniaga sendiri atau menjadi tauke. Lebih dahsyat lagi apabila warga tempatan pula menjadi pekerja atau kuli kepada mereka. Apakah ini satu perkembangan sihat kepada persekitaran sosioekonomi negara dan masyarakat kita?

Serban sepasukan anggota Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) baru-baru ini mendedahkan kegiatan pendatang haram warga Bangladesh dan Myanmar yang dikesan memiliki pusat cuci kenderaan di sekitar taman Danau Desa, Kuala Lumpur. Mereka juga dilaporkan mengusahakan perniagaan ini di atas tanah milik kerajaan. Banyak persoalan timbul apabila perkara sebegini didedahkan misalnya, siapa memberi kebenaran kepada mereka untuk mengusahakan perniagaan ini dan jika mereka berniaga secara haram kenapa pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak mengambil sebarang tindakan selama ini. Dan apakah mereka ini berani kerana dilindungi oleh pihak tertentu atau aktiviti ini didalangi oleh warga tempatan sendiri.

Apapun jawapan kepada semua persoalan tersebut kita tidak boleh membiarkan pekerja asing ini bertindak sesuka hati umpama kaduk naik junjung. Penglibatan mereka dalam sektor pekerjaan di negara ini perlu ada batas yang jelas, apatah lagi kita tidak wajar bertoleransi dengan tingkah laku pendatang haram atau tanpa izin yang cuba menunjukkan keberanian di negara orang dengan mencabar undang-undang kita.

Harus diingat tatkala rakyat kita sendiri bergelut dengan pelbagai masalah ekonomi termasuk peluang pekerjaan yang terhad serta kesukaran untuk memulakan perniagaan, pendatang asing pula kelihatan begitu mudah menikmati pelbagai peluang dan kemudahan. Ini pastinya bakal mencetuskan pelbagai masalah sosial dalam

kalangan anggota masyarakat kita.

Jadi kita harap semua pihak berkuasa terutama di peringkat PBT dapat selalu memantau aktiviti haram pendatang asing ini yang sering menyalahguna sesuatu lokasi untuk pelbagai kegiatan dan aktiviti yang tidak dibenarkan. Jangan biarkan mereka buat sesuka hati sehingga akhirnya kita tidak dapat mengawal gerak geri mereka. Ini jelas akan memberi kesan yang besar dalam aspek kehidupan sosial rakyat tempatan dan juga negara secara keseluruhannya.

Dalam pada itu, kita juga tidak lupa betapa sentiasa ada saja laporan tentang salah laku jenayah yang membabitkan pekerja asing ini di negara kita. Kes pecah masuk rumah, ragut, penculikan, rogol dan rompakan bersenjata adalah antara kes jenayah yang sering dilaporkan membabitkan warga asing di negara ini. Peningkatan kes seperti ini cukup mengusarkan anggota masyarakat kerana keselamatan diri, keluarga dan harta benda sentiasa terancam.

Secara prinsipnya kita tidak mahu wujud situasi rakyat sudah mula takut untuk menjalani kehidupan seharian di negara sendiri. Hal ini tidak mustahil untuk berlaku kerana ada juga beberapa kes dilaporkan pergaduhan termasuk pergaduhan

secara berkumpulan dan pembunuhan sesama komuniti mereka sendiri atas pelbagai alasan dan ini juga sering mengganggu gugat aspek keselamatan dan ketenteraman awam di negara kita di samping mencabar kedaulatan undang-undang di negara kita. Malah beberapa kes lain seperti penglibatan wanita warga asing dengan bilangan yang begitu banyak dalam kegiatan tidak bermoral seperti menjadi pelayan pelanggan (GRO) perlu diakui menjadi antara penyumbang utama kepada peningkatan masalah gejala sosial dan moral di negara kita.

Jadi di samping kita tidak

>> Mereka perlu diajar mematuhi undang-undang negara ini serta memahami dan menghormati norma kehidupan masyarakat setempat

menafikan sumbangan dan peranan positif pekerja asing selama ini kepada aspek pembangunan negara, kita juga tidak boleh sewenang-wenangnya membiarkan mereka bermaharajalela di negara kita terutama apabila menjejaskan aspek keselamatan rakyat dan negara.

Antara tindakan segera yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan ialah mengawal bilangan pekerja asing baik yang sah mahupun yang haram yang masuk atau sedia ada di negara kita. Kita percaya bilangan mereka yang terlalu ramai menyebabkan mereka jadi besar kepala dan mula terlibat dengan pelbagai aktiviti jenayah tanpa rasa takut.

Untuk itu sebagai langkah awal, kita perlu kawal pengambilan pekerja asing oleh majikan tempatan. Pihak berkuasa perlu saring dan tapis secara terperinci setiap permohonan majikan. Kita tidak mahu meluluskan begitu saja setiap permohonan kerana khuatir majikan cuba ambil jalan mudah dengan mengambil pekerja asing kerana boleh dibayar dengan gaji yang rendah tanpa membuka peluang pekerjaan itu kepada warga tempatan. Kita percaya pada hari ini terdapat lebihan pekerja asing pada kadar yang melampau di sesuatu sektor kerana selama ini kita terlalu fleksibel dalam meluluskan

permohonan majikan. Dalam hal ini kita berharap majikan tempatan juga akan lebih bertanggungjawab dan sentiasa mengutamakan pekerja tempatan.

Bagi pendatang asing tanpa izin (PATI) pula, kita perlu memastikan kawalan sempadan negara sentiasa ketat dan rapi. Misalnya semua pintu masuk utama dan juga laluan tikus perlu dipantau dan dikawal sepanjang masa dan tindakan penguatkuasaan perlu diambil tanpa sebarang tolok ansur mahupun kompromi. Hal ini penting kerana selama ini kebocoran di pintu masuk dilihat menimbulkan pelbagai masalah sehingga kemasukan PATI sukar dikawal.

Walaupun bukan semua warga asing menimbulkan masalah di negara kita, usaha untuk mengawal kebanjiran mereka perlu dilaksanakan secara agresif dan berterusan. Dan mereka juga perlu diajar untuk mematuhi undang-undang negara ini serta memahami dan menghormati norma kehidupan masyarakat setempat. Jangan kita leka sampai orang luar mengganggu gugat ketenteraman awam dan keselamatan negara dan jangan sesekali biar kaduk naik junjung!

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia**

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

